

29/12/2000

Muzakarah: Tiada gambaran jelas

KUANTAN, Khamis - Belum ada satu gambaran yang jelas mengenai usaha parti pembangkang, terutama Pas untuk mengadakan perjumpaan atau muzakarah dengan Umno bagi menyatupadukan semua orang Melayu di negara ini, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Beliau berkata, jika hendak mengadakan muzakarah, mesti ada perintisan jalan, tetapi pada masa ini ia cuma diketahui melalui kenyataan melalui media.

"Ianya tidak begitu positif dan nampaknya seolah-olah dorongan media. Di kalangan Umno sendiri belum ada perjumpaan membincangkan perkara itu.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu sama ada perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi.

"Apa yang saya ingat, perbincangan khusus mengenai isu itu belum dibuat," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kesanggupan Umno memulakan inisiatif perbincangan dengan Pas dan Keadilan berhubung perpaduan orang Melayu jika keadaan mengizinkan.

(END)